

UPM umum Timbalan Naib Canselor HEP

Kuala Lumpur: Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Shatar Sabran dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), berkuasa Jumaat lalu.

Beliau dilantik selama tiga tahun menggantikan Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan yang dilantik Naib Canselor UPM pada 1 Januari lalu.

Mengikut kenyataan Pejabat Pemasaran dan Komunikasi UPM, Mohamad Shatar dilantik atas pengalaman beliau dalam bidang pembangunan masyarakat, kemahiran insaniah, permasalahan sosial, modal insan, keibubapaan, remaja dan motivasi.

Portfolio yang dipegang beliau adalah mengetuai dan bertanggungjawab dalam keseluruhan pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor serta pembangunan pelajar universiti merangkumi Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Pusat Sukan, Pusat Alumni, Kolej, Sukarelawan Polis Siswa Siswi dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Beliau pernah menjawat jawatan Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia pada 1999 hingga 2004.